

Asas ekonomi Malaysia kekal kukuh

Malaysia masih mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan menjurus ke arah sebuah negara maju.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia pada setiap lima tahun, Malaysia mencatatkan pertambahan 6.8 peratus bagi bilangan syarikat yang aktif beroperasi pada 2015, iaitu sebanyak 920,624 berbanding 663,010 pada 2010.

Ketua Perangkaan, Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata keseluruhan nilai ditambah yang dijana oleh 920,624 syarikat perniagaan terbabit adalah RM983 bilion, dengan sektor perkhidmatan mendominasi 88.9 peratus secara keseluruhannya.

“Antara industri yang menambah nilai ditambah tertinggi adalah pengekstrakan petroleum dan gas asli, iaitu RM92.3 bilion,” katanya pada sidang media Penemuan Utama Banci

Ekonomi 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, jabatan itu juga mendapati peningkatan berke-naan sejajar dengan pertumbuhan pesat ekonomi negara dalam tempoh 2010 hingga 2015.

Mohd Uzir berkata, jabatan juga mendapati sektor pembuatan kekal merekodkan output tertinggi dan buat pertama kalinya output sektor ini mencecah RM1.1 trilion.

Bagaimanapun nilai ditambah sebanyak RM259.2 bilion dan membabit 2.1 juta pekerja.

Sektor perkhidmatan kekal penyumbang

Katanya, dari segi struktur terkini ekonomi negara, sektor perkhidmatan masih kekal sebagai penyumbang utama dengan 52.6 peratus, meningkat daripada 51.0 peratus.

Ini diikuti dengan sektor pem-

buatan 26.3 peratus berbanding 25.6 peratus.

Namun, bagi sektor perlombongan dan kuari walaupun menjadi penyumbang ketiga terbesar, sektor ini menunjukkan penyusutan sumbangan daripada 14.0 peratus kepada 10.5 peratus.

Penyusutan ini disebabkan, terutama oleh penurunan harga minyak dan gas pada tahun itu yang memberi kesan kepada sumbangan bagi sektor ini.

“Kita mendapati keseluruhan nilai ditambah dari sektor pembuatan semakin mengecil berbanding sektor perkhidmatan dan ini adalah trend terkini sejajar dengan hasrat kerajaan yang mana sektor perkhidmatan akan terus menjadi pemacu pertumbuhan negara.

Perhalusi banci ekonomi

“Kerajaan juga pada masa sama,

sedang giat menjalankan usaha untuk memperkasakan sektor itu, terutama sekali dengan wujudnya Pelan Induk Perusahaan Kecil dan sederhana,” katanya.

Manakala bagi sektor pembuatan pula, Mohd Uzir berkata, Malaysia mempunyai ‘kelebihan persaingan’ dengan banyak syarikat tempatan yang juga aktif pada peringkat antarabangsa, di samping menggunakan teknologi yang canggih.

“Dengan adanya jaringan hubungan melalui internet kita yakin bahawa Malaysia mampu mencapai tahap negara maju yang berpendapatan tinggi, walaupun didatangi cabaran ekonomi global.

“Jabatan Perangkaan akan memperhalusi banci ekonomi pada masa akan datang ke arah mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi,” katanya.

BERNAMA

BH 2/6